

UPHALEXIN CAPSULE

Cephalexin Monohydrate equivalent to Cephalexin (250mg & 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Uphalexin Capsule
2. Bagaimana Uphalexin Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Uphalexin Capsule
4. Cara menggunakan Uphalexin Capsule
5. Semasa menggunakan Uphalexin Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Uphalexin Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Uphalexin Capsule

Uphalexin Capsule digunakan dalam rawatan jangkitan yang disebabkan oleh pendedahan kepada mikroorganisma berikut

- Jangkitan saluran penafasan
- *Otitis Media* (jangkitan pada telinga)
- Jangkitan tulang
- Jangkitan saluran kencing, termasuk Prostat akut
- Jangkitan gigi

Bagaimana Uphalexin Capsule berfungsi

Cephalexin adalah sejenis antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil cephalosporin. *Cephalexin* bertindak membunuh atau menghentikan pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengambil Uphalexin Capsule

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Uphalexin Capsule jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada cephalosporin.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat dari doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Uphalexin Capsule

Sebelum anda mengambil Uphalexin Capsule anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Anda alergi atau hipersensitif pada penisilin.
- Anda menghadapi kerosakan ginjal.
- Anda mengandung dan menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- *Oral contraceptives* yang mengandungi estrogen (ubat pencegah kehamilan yang mengandungi estrogen).
- *Probenecid* (ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat gout kronik dan artritis gout).
- Ubat nefrotoksik seperti antibiotik-gentamisin aminoglikosida (antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria tertentu).
- Gelung-diuretic-frusemide (mengurangkan penyerapan semula natrium oleh buah pinggang).

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengambil Uphalexin Capsule dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Uphalexin Capsule

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Dos dewasa adalah di antara 1 – 4g setiap hari dengan pembahagian dos.

Dos biasa dewasa: Oral, 500mg setiap 6 jam.

Untuk jangkitan berikut, dos 250mg setiap 6 jam atau 500mg setiap 12 jam boleh diberikan: *streptococcal pharyngitis* (jangkitan pada belakang tekak termasuk tonsil), jangkitan kulit dan struktur kulit dan *cystitis* (jangkitan saluran kencing) tidak rumit. Untuk jangkitan yang lebih teruk atau

yang disebabkan oleh organisma kurang terdedah, dos yang lebih besar mungkin diperlukan

Kanak-kanak: Dos harian yang biasa disyorkan adalah 25-50mg/kg dengan pembahagian dos.

Untuk sakit tekak pada kanak-kanak, jangkitan saluran kencing yang ringan, dan untuk jangkitan kulit dan struktur kulit, jumlah dos harian boleh dibahagikan dan diberikan setiap 12 jam. Dalam terapi *otitis media*, kajian klinikal telah menunjukkan bahawa dos 75 – 100mg/kg/hari dalam pembahagian 4 dos diperlukan. Dalam rawatan jangkitan *B-hemolytic streptococcal* (jangkitan bakteria yang menyebabkan kemusnahan menyeluruh pada sel-sel darah merah (*hemolysis*), dos terapeutik perlu diberikan sekurang-kurangnya 10 hari.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Uphalexin Capsule.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Apabila pengambilan dos berlebihan berlaku, rawatan sokongan umum adalah dicadangkan. Ini termasuklah pemantauan klinikal dan makmal sehingga keadaan pesakit kembali stabil.

Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Uphalexin Capsule berlebihan.

UPHALEXIN CAPSULE

Cephalexin Monohydrate equivalent to Cephalexin (250mg & 500mg)

Semasa menggunakan Uphalexin Capsule

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Uphalexin Capsule.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berkongsi Uphalexin Capsule dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berterusan dalam dos yang tinggi.
- Hamil dan menyusukan bayi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Uphalexin Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Gangguan gastro-intestinal.
- Hypersensitif termasuk ruam pada kulit, *urticaria*, *eosinophilia* (peningkatan jumlah sel darah putih), demam, reaksi menunjukkan *serum sickness* dan anafilaksi (reaksi alahan teruk yang perlu dirawat segera).

Uphalexin Capsule boleh menyebabkan alergi dan reaksi kulit yang serius. Hentikan penggunaan Uphalexin Capsule dan dapatkan sokongan rawatan dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang gejala berikut

- Kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau mata gatal.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines(AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Uphalexin Capsule

-Penyimpanan

Jauhkan Uphalexin Capsule dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Uphalexin Capsule yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Uphalexin Capsule 250mg adalah kapsul gelatin berwarna merah jambu/merah delima dalam saiz 2.

Uphalexin Capsule 500mg adalah kapsul gelatin berwarna merah jambu/ungu dalam saiz 0.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Cephalexin Monohydrate.

Bahan Tidak Aktif:

Lactose, Talcum Powder, Sodium Lauryl Sulphate, Magnesium Stearate.

-Nombor MAL

Uphalexin Capsule 250mg
MAL AZ

Uphalexin Capsule 500mg
MAL AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Pemegang pendaftaran produk

Duopharma Marketing Sdn Bhd.
Lot 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia

Pengilang

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12, Cheng Industrial Estate, 75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

29/05/2020

Nombor Siri

NPRA (R2) 19/176